

30/01/1999

PM lancar 2 acara penting Selasa

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka melakukan lawatan singkat ke Langkawi, Selasa ini untuk melancarkan dua acara penting negara yang bermula di sini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Perdana Menteri diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan menghadiri jamuan tengah hari sempena pelancaran Le Tour de Langkawi 1999 (LTDL '99) pada jam 12.30 tengah hari.

Ketika ini, beberapa pasukan lumba basikal utama dari seluruh dunia sudah tertumpu di sini untuk menyertai LTDL '99 yang bermula Rabu ini.

Kira-kira 150 pelumba daripada 25 pasukan akan mengambil bahagian dalam Jelajah Langkawi meliputi jarak sejauh 1,773.5 kilometer dan 12 peringkat selama 12 hari.

Jelajah edisi keempat anjuran First Cartel (M) Sdn Bhd itu menawarkan hadiah lumayan bernilai lebih RM1 juga, menjadikannya kejohanan ketiga berprestij dunia selepas Le Tour de France dan Giro d'Italia.

Perlumbaan berprestij itu memberi peluang mempromosikan Langkawi ke mata dunia kerana LTDL '99 akan dipancarkan ke negara Asia dan beberapa negara peserta.

Pada jam 3 petang, Dr Mahathir akan melancarkan pelayaran solo mengelilingi dunia dengan kapal layar 'Jalur Gemilang' oleh Azhar Mansor di Awana Porto Malai Langkawi.

(END)